

HUBUNGAN MANUSIA DAN ALAM SEKITAR MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

NORITA KAMARUDDIN

norita@kuis.edu.my,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Alam sekitar merupakan salah satu ciptaan Allah yang memberikan manfaat kepada semua makhluknya, termasuk juga manusia. Manusia, dijadikan oleh Allah SWT sebagai khalifah dan dipertanggungjawabkan dalam menjaga dan memulihara untuk kesejahteraan sejagat. Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan untuk diuruskan oleh penghuninya secara bijak. Hubungan manusia dan alam sekitar sangat rapat kerana ia merupakan prasyarat untuk menjamin kesejahteraan bumi. Justeru kertas ini membincangkan tentang konsep manusia dan konsep alam sekitar serta hubungan antara manusia dan alam menurut perspektif Islam.

Kata kunci : hubungan, manusia, alam sekitar, Islam

1. PENDAHULUAN

Alam sekitar telah diwarisi sejak berabad dahulu, secara turun-temurun untuk dimanfaatkan oleh tamadun manusia dari generasi ke generasi termasuklah masyarakat yang ada di Malaysia yang mesra dengan alam sekitar (Hamidi Ismail, 2003). Alam sekitar sangat penting dalam kehidupan kerana dapat memberi manfaat kepada manusia khususnya dalam aspek kesihatan dan dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi kepada manusia (Surtahman Kastin Hasan, 2018).

Alam sekitar yang dihuni mempunyai beberapa komponen antaranya atmosfera, hidrosfera, pedosfera, litosfera dan biosfera. Di dalam komponen-komponen ini terdapat berjuta-juta spesies kehidupan samada yang telah dikenalpasti atau yang belum dikenali lagi. Kesemuanya berinteraksi antara satu sama lain untuk meneruskan kehidupan masing-masing. Dalam Islam, kehidupan manusia tidak hanya terbatas kepada hubungan sesama manusia tetapi manusia juga diwajibkan menjalinkan hubungan yang baik dengan alam tabii. Kesejahteraan hidup yang dinikmati oleh manusia adalah akibat daripada hubungan harmoni antara manusia dan alam sekitarnya. Setiap kali manusia menarik nafas maka bahan yang disedut ialah gas oksigen. Gas oksigen ini dihasilkan oleh tumbuh-tumbuhan. Sebaliknya, tumbuh-tumbuhan sendiri menghasilkan gas oksigen daripada karbon dioksida yang di dapati daripada manusia dan haiwan. Proses ini akan berulang dan sekiranya ia terhenti, maka kemungkinan tiada lagi penghuni di alam ini.

2. KONSEP PENCIPTAAN MANUSIA

Allah menciptakan manusia dalam keadaan yang paling sempurna dibandingkan makhluk lainnya, hanya manusialah yang diberikan kemampuan untuk mengetahui nama-nama benda, juga diberikan ilmu pengetahuan yang tidak dimiliki oleh para malaikat. Kerana itu Allah menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi.

Manusia adalah makhluk yang paling dominan dalam alam, tidak ada makhluk lain yang dapat menandingi kepintaran dan ketangkasan manusia. Teori evolusi Darwin menyatakan manusia berasal daripada mawas besar yang hidup berjuta-juta tahun dahulu. Beliau juga mendaakwa segala yang ada di bumi seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, jirim, cakerawala mahupun manusia telah melalui proses penyempurnaan. Ini bermakna benda-benda- tersebut telah menjadi sempurna dengan sendiri melalui kuasa yang terkaandung dalam alam persekitarannya. Teori evolusi ini telah berkembang pesat di dunia barat sehingga mewujudkan tiga pandangan yang berbeza mengenai kejadian alam; pertama golongan yang tidak percaya wujudnya Pencipta Alam, kedua golongan yang percaya wujudnya Pencipta dan ketiga golongan yang percaya wujudnya Pencipta tetapi terpengaruh dengan teori Evolusi (Sulaiman Nordin, 1995). Al-Quran dengan jelas menerangkan tentang kejadian manusia sekaligus menolak secara mutlak teori Darwin tadi. Allah telah berfirman :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن نُّرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنَبِّئَنَّكُمْ وَنُقَرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّن يُتَوَقَّىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يُرْدُّ إِلَىٰ أَرْضِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِن بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَىٰ الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ وَأَنْبَتَتْ مِن كُلِّ رَوْحٍ
بِهَيْجٍ (5)

Maksudnya :

“Hai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitis mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampailah kepada kedewasaan, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan (ada pula) di antara kamu yang dipanjangkan umurnya sampai nyanyuk, supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatu pun yang dahulunya telah diketahuinya. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai macam tumbuh-tumbuhan yang indah.

(Surah Al-Hajj : 5)

Dalam kitab *al-Madhnûn al-Shaghîr dan Mi'râjus Sâlikhîn* yang dikutip oleh Abidin Ibn Rusn, al-Ghazali menjelaskan pertemuan antara dua unsur pembentuk manusia sebagai proses kejadiannya- yaitu *nafs* dan *nuthfah* (sel benih). Menurutnya, *nafs* atau jiwa diciptakan ketika sel benih (*nuthfah*) telah memenuhi persyaratan untuk menerimanya. Kata *nuthfah* disini bukanlah sel benih pada sperma lelaki saja, melainkan sel benih yang telah menyatu dengan sel telur wanita pada rahimnya. Pada saat tertentu, *nuthfah* mempunyai kesiapan untuk menerima jiwa, dan kondisi memenuhi syarat untuk menerima jiwa ini disebutnya *al istiwa* '. Proses ini sesuai dengan firman Allah sebagai berikut :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَكَةِ إِنِّي خَلِّقُ بَشَرًا مِّن صَلْصَلٍ مِّن حَمَإٍ مَّسْنُونٍ (28)

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ (29)

Maksudnya :
Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk, Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan kedalamnya ruh (ciptaan)-Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud.

(Surah Al-Hijr : 28-29)

Ayat ini telah mengukuhkan lagi tentang kejadian penciptaan manusia daripada tanah. Teori evolusi Darwin tidak sampai ke peringkat asal-usul penciptaan manusia. Ia hanya berkisar di peringkat persamaan fizikal, sifat dan kehidupan antara manusia dengan mawas tadi. Beliau berpendapat manusia melalui masa telah mengalami perubahan daripada daripada segi fizikal dan mental. Bentuk manusia yang dahulunya seperti mawas, dengan tangan yang panjang, berbulu lebat kepala yang bonjol dan tidak berpakaian telah berubah dan menjadi seperti bentuk fizikal sekarang. Beliau tidak pernah mempersoalkan bagaimana manusia ataupun mawas tadi bermula. Hanyalah Al-Quran yang menjelaskan secara terperinci bagaimana manusia diciptakan. Bahan apa yang membentuk manusia, bagaimana manusia dihidupkan dan dimatikan dan apakah kesudahan manusia.

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang paling sempurna samada daripada fizikal dan mental. Bentuk fizikal manusia adalah serba lengkap melebihi bentuk fizikal hidupan yang lain. Tangan dan kaki manusia dicipta seimbang untuk memudahkan pergerakan dan mencantikkan pandangan luar. Cuba kita bayangkan sekiranya kita mempunyai tangan yang Panjang sehingga sampai ke paras kaki. Begitu juga dengan raut muka manusia yang elok, ia dinamakan 'basyar' oleh Hamka dalam Tafsir Al-Azhar (Hamka, 1988) yang bermaksud wajah yang menunjukkan kegembiraan dan ia sangat berbeza dengan kejadian Allah yang lain. Dengan segala bentuk kejadian yang sempurna ini manusia telah diberi kedudukan yang tinggi dalam alam ini.

Akal merupakan antara anugerah istimewa Allah kepada manusia yang tidak ada pada makhluk-makhluk lain. Dengan akal, manusia mampu membuat keputusan yang akan menentukan corak kehidupan mereka kelak. Pertimbangan perkara baik dan buruk juga mempengaruhi cara interaksi manusia dengan unsur alam yang lain. Perlakuan dan tindakan manusia seharusnya diiringi dengan keimanan. Keimanan boleh dicapai oleh manusia yang bersih rohaninya. Manusia yang bersih rohaninya akan mempunyai rasa tanggungjawab dan kesedaran untuk menjaga persekitaran.

Sebagai makhluk yang diciptakan Allah, maka manusia perlu mematuhi beberapa konsep semasa mereka berinteraksi dengan alam sekitar, antaranya tauhid, khalifah dan amanah, adil dan *i'tidal* serta Syariah (Manzoor, 1991). Tauhid adalah berasaskan kepada keesaan Allah. Allah adalah kuasa yang Maha Tinggi dan tiada yang lebih berkuasa selain Allah. Manusia mesti mematuhi segala suruhan dan meninggalkan laranganNya. Tauhid merupakan konsep paling penting dan yang dengannya alam sekitar dapat dipelihara di bawah penguasaan akhlak dan etika bertunjangkan Islam. Konsep khalifah dan amanah harus disertakan bersama-sama. Selain beribadah kepada Allah, manusia juga telah ditugaskan sebagai khalifah di bumi.

Aspek utama dalam setiap perkara yang ingin dilakukan dalam kehidupan ini ialah konsep tauhid iaitu kepercayaan dan keimanan yang sepenuhnya terhadap Tuhan Yang Maha Esa iaitu Allah S.W.T. Begitu juga dalam hal memelihara alam tabii. Keimanan yang teguh kepada Allah S.W.T. dapat menundukkan kepentingan individu kepada kepentingan masyarakat. Sifat individualistik tidak akan diamalkan dalam menggunakan sumber-sumber alam tabii. Ini disebabkan seseorang yang beriman kepada Allah S.W.T serta hari akhirat dengan sebenar-benarnya akan sentiasa mengingati bahawa setiap perbuatannya di muka bumi

pasti akan diadili pada hari akhirat kelak. Hal ini merupakan ikatan yang kuat untuk mencegah manusia membuat sesuatu kerosakan di dunia ini.

Alam sekitar adalah tempat ujian bagi manusia. Mereka diberikan kebebasan untuk menggunakan demi penerusan kehidupan. Manusia yang tidak amanah tentunya akan gagal dalam ujian ini dan akan mendapat pembalasan di akhirat kelak. Hak manusia untuk menguasai alam sekitar adalah pada memakmurkan sumber-sumbernya dan bukan menggunakan sumber dengan rakus sehinggakan ia mengalami 'kerencatan' yang serius yang boleh merendahkan kualiti kehidupan termasuk juga kehidupan manusia sendiri.

Perundangan atau pun Syariah merupakan usaha untuk mengubah sesuatu tindakan manusia yang menyalahi peraturan umum. Syariah ini telah digariskan Allah dalam Quran dan manusia wajib mentaati dan mempraktikkan. Ia perlu dilaksanakan secara mutlak tanpa ada apa-apa pengecualiaan samada dari segi hukuman ataupun tahap kedudukan manusia. Syariah Islam berupaya mewujudkan kesusilaan tindakan manusia apabila mereka berinteraksi dengan unsur-unsur kehidupan yang lain. Aspek keadilan bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul. Sekiranya tindakan kitab oleh menyebabkan kerosakan yang teruk kepada unsur lain, ia mestilah dihentikan. Keadilan dan kesederhanaan melambangkan keseimbangan unsur-unsur alam yang secara langsung mengekalkan keadaan semulajadinya.

3.KONSEP PENCIPTAAN ALAM SEMULAJADI

Allah juga menciptakan hidup=hidupan yang lain untuk kemudahan manusia. Setiap hidupan mempunyai fungsinya tersendiri. Apabila suatu sepsis hidupan pupus, fungsi dan peranannya tidak dapat digantikan oleh sepsis yang lain. Umpamanya bukit dan gunung berperanan sebagai pasak bumi yang menetapkan kedudukannya. Ini dapat kita ikuti melalui ayaat Al-Quran :

وَأَلْقَى فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَارًا وَسُبُلًا لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ (15)

Maksudnya :

“Dan Dia menancapkan gunung-gunung di bumi supaya bumi itu tidak goncang bersama kamu, (dan Dia menciptakan) sungai-sungai dan jalan-jalan agar kamu mendapat petunjuk..”

(Surah Al-Nahl : 15)

Begitu juga dengan peranan awan, angin, tanah, tumbuhan dan sebagainya. Kesemua ini membentuk kitaran hidrologi yang membekalkan sumber air yang berterusan untuk manusia. Sekiranya salah satu unsur tersebut mengalami kepupusan maka kitaran hidrologi akan terganggu. Al-Quran telah menceritakan perkara ini :

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّى إِذَا أَقْلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَهُ لِيُنزِلَ فَمَنْ يَبْدِ مَاءٍ فَمِنْ كُلِّ
الْتَّمْرَاتِ كَذَلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَى لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ (57)

Maksudnya:

“Dan Dialah yang meniupkan angin sebagai pembawa berita gembira sebelum kedatangan rahmat-Nya (hujan); hingga apabila angin itu telah membawa awan mendung, Kami halau ke suatu daerah yang tandus, lalu Kami turunkan hujan di daerah itu, maka Kami keluarkan dengan sebab hujan itu pelbagai macam buah-buahan. Seperti itulah Kami membangkitkan orang-orang yang telah mati, mudah-mudahan kamu mengambil pelajaran.”.

(Surah Al-A'raf : 57)

Haiwan yang berada di darat dan di laut juga berguna kepada manusia. Walaupun ada yang merbahaya tetapi secara keseluruhannya ia menjadi sumber makanan manusia. Bayangkan betapa susahnya manusia sekiranya kesemua haiwan tadi pupus akibat daripada perbuatan manusia yang keterlaluan. Allah berfirman dalam Al-Quran :

أَجَلٌ لَّكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَّكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ ۗ وَحُرْمٌ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرْمًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ (96)

Maksudnya :

“Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lezat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu dalam ihram. Dan bertakwalah kepada Allah Yang kepada-Nya-lah kamu akan dikumpulkan.:

(Surah Al-Maidah : 96)

Firman Allah dalam ayat yang lain,

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حَبْلًا مِّنْ عُنُقِهِ وَتَرَى الْفُلْكَ مَوَاجِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (14)

Maksudnya :

Dan Dialah, Allah yang menundukkan lautan (untukmu), agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan), dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai; dan kamu melihat bahtera berlayar padanya, dan supaya kamu mencari (keuntungan) dari karunia-Nya, dan supaya kamu bersyukur.

(Surah al-Nahl : 14)

Kesemua ayat Al-Quran ini menunjukkan wujudnya interaksi antara manusia dengan hidupan yang lain. Segala yang ada di laut, di bumi malah di langit adalah untuk kegunaan manusia. Untuk menjamin penerusan hidup manusia, maka keselamatan dan kesejahteraan hidup=hidupan ini wajar dijaga dan dipelihara. Hamka dalam tafsir Al-Azhar menghuraikan lebih lanjut tentang kegunaan ciptaan-ciptaan Allah yang lain untuk manusia. Kajadian bukit dan gunung mempunyai hikmah tertentu walaupun ia terletak di bahagian pedalaman sesebuah negeri. Ia boleh menghalang laluan angin dan mneyelamatkan harta benda manusia. Sekiranya bumi ini datar, manusia akan sentiasa terdedah kepada tiupan angin yang kuat. Contoh yang paling jelas apabila kita berada di tengah lautan. Apabila berlaku rebut kita akan mencari pulau untuk mengelakkan daripada tenggelam. Pulau di tengah lautan diumpamakan sebagai bukit dan gunung di daratan. Begitu juga ikan yang menjadi sumber protein utama manusia dan Mutiara yang didapati daripada tiram di dasar lautan. Allah juga menceritakan tentang fungsi

lautan yang menjadi medan bagi kapal belayar. Manusia telah menggunakan kapal untuk mengembara ke serata dunia sejak daripada dahulu lagi.

Allah juga memberikan peluang seluas-luasnya kepada manusia supaya mengambil pengiktibaran daripada setiap kejadian alam semulajadi. Amat malang terlalu sedikit manusia yang bersyukur dan berterima kasih kepada Allah. Semoga kita termasuk dalam golongan yang sedikit itu.

وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِلْمُوقِنِينَ (20) وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ (21)

Maksudnya :

“Dan di bumi itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin dan (juga) pada dirimu sendiri. Maka apakah kamu tidak memperhatikan..”

(Surah Adz Dzaariyaat : Ayat 20-21)

4.KEPENTINGAN HUBUNGAN MANUSIA DENGAN ALAM

Islam sebagai agama wahyu merupakan kerangka acuan lengkap untuk seluruh aspek kehidupan bagi setiap muslim. Pada dasarnya setiap muslim yang memahami al Qur'an dan Sunnah dengan tetap dan benar, meyakini bahawa kedua sumber tersebut memberikan skema kehidupan yang sangat jelas, maka masyarakat yang harus dibangun oleh setiap muslim adalah masyarakat yang tunduk pada kehendak Ilahi, sehingga dapat diklasifikasikan tentang yang baik dan yang buruk juga tentang yang benar dan yang salah, yang boleh dan yang terlarang.(Adnan. 2003). Dalam Islam terdapat beberapa prinsip yang penting tentang hubungan antara manusia dengan alam sekitar. Antaranya ialah:

- i) Setiap ciptaan Allah di atas muka bumi ini telah diciptakan mempunyai peranan dan fungsi tertentu. Segalanya saling melengkapi antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat daripada firman Allah S.W.T. di dalam Al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut taqdir (yang telah ditentukan)”

(Al-Qamar:49)

“....dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan disisiNya dengan kadar yang tertentu.”

(Ar-Ra'ad:8)

- ii) Allah tidak menciptakan sesuatu dengan sia-sia sahaja. Setiap ciptaan Allah menjadi bukti kebesaran dan sebagai tanda kekuasaan Allah. Maksud firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran:

“Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya dengan main-main. Sekiranya Kami hendak membuat sesuatu permainan, tentulah kami membuatnya dari sisi Kami. Jika Kami menghendaki berbuat demikian (tetapi Kami tidak melakukan perkara demikian itu).”

(Al-Anbiya':16-17)

“Dialah Tuhan yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan dan Dia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan untuk lalu-lalang; dan Dia juga telah menurunkan hujan dari langit.Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-

jenis tanaman dan buah-buahan yang berlain-lain keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu, sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran”.

(Taha:53-54)

- iii) Manusia adalah sebahagian daripada alam ciptaan Allah dan mempunyai hubungan yang rapat dengan alam sekitarnya. Manusia juga telah ditugaskan sebagai khalifah di muka bumi yang bertanggung jawab untuk menguruskan bumi ini sebaik mungkin seperti maksud firman Allah S.W.T. di dalam Al-Quran:

“(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang Khalifah di atas muka bumi. Maka mereka menjawab :Adakah patut Engkau menjadikan di atas muka bumi orang yang berbuat bencana dan menumpahkan darah sedangkan kami bertasbih memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Allah berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui apa-apa yang tiada kamu ketahui. Allah mengajarnya semua nama benda kemudian dibawa benda-benda itu kepada Malaikat,lalu Allah berfirman; “Khabarkan kepada-Ku nama benda-benda ini, jika kamu yang benar”. Jawab mereka: “Maha Suci Engkau tidaklah kami tahu sesuatu itu kecuali apa-apa yang engkau ajarkan kepada kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana”.Allah berfirman: “Hai Adam, beritahulah kepada Malaikat nama benda-benda ini.” (al-Baqarah:30-32)

- iv) Konsep keadilan dalam Islam meliputi semua makhluk sama ada haiwan, tumbuhan dan sebagainya yang ada di atas muka bumi ini. Maksud firman Allah s.w.t.: *“Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua-dua sayapnya, adalah umat-umat seperti kamu juga. Dan mereka akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka akhirnya.” (Al-An’am:38)*

Manusia tidak berhak untuk mengeksploitasi sumber alam sewenang-wenangnya kerana segalanya adalah milik Allah. Setiap makhluk ciptaan Allah adalah sama tarafnya dengan manusia. Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quran:

“Kepunyaan Allah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi. Dialah Yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji.” (Al-Hajj:64)

“Tidakkah kamu tahu bahawasanya kepada Allah bertasbih segala apa yang ada di langit dan di bumi dan burung-burung yang mengembangkan sayapnya. Masing-masing mengetahui (cara) berdoa dan bertasbih. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (Al-Nur:41)

Di samping itu, konsep ibadat di dalam Islam tidak hanya terhad kepada ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji sahaja namun turut meliputi segala perbuatan yang mendatangkan kebaikan kepada manusia ataupun alam sekitarnya. Malahan, perbuatan meninggalkan segala larangan Allah S.W.T juga merupakan satu perjuangan yang memberikan pahala kepada umat Islam. Di dalam Al-Quran, Allah S.W.T dengan tegas melarang manusia daripada melakukan kerosakan di muka bumi dengan maksud firman-Nya:

“...janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi...” (Al-Baqarah:11)
“...dan janganlah kamu bermaharajalela di muka bumi dengan melakukan kerosakan.” (Al-Syu’ara:183)

Dalam sejarah Islam, pada waktu terjadi pembebasan kota Makkah (Fathu Makkah), Nabi SAW melarang perburuan binatang dan mencabut rumput di tanah haram. Kebijakan ini sangat relevan dengan keadaan di tanah haram yang kurang tumbuh-tumbuhan. Bahkan sampai sekarangpun perlindungan flora dan fauna disana masih terus berlaku, dan dikaitkan dengan prinsip ibadah haji atau umrah. Seandainya tidak ada perlindungan terhadap kehidupan flora dan fauna di tanah haram yang menjadi pusat kegiatan haji itu, kemungkinan dalam satu musim haji sahaja sudah cukup untuk merosakkan lingkungan alam, khususnya lingkungan hidup flora dan fauna juga manusia di sana. Hal ini tidak bertepatan dengan kehendak Islam. (Afif Najih Anis. 2005)

5.COVID-19: WUJUDNYA PRINSIP ASAS HUBUNGAN MANUSIA DAN ALAM SEKITAR

Banyak yang melaporkan alam sekitar sudah kembali normal sejak pandemik COVID-19 'menyerang' bumi, langit sudah kembali biru dan sungai sudah semakin jernih. Fenomena ini ialah suatu berita gembira kepada masyarakat dan pejuang alam sekitar. Menarik apabila mendengar khabar dari seluruh pelusuk dunia, katanya di kebanyakan bandar besar pencemaran udara menurun sehingga 45 peratus.

Akibatnya landskap bandar kelihatan bersih dan cantik, penduduk di India buat pertama kali sejak 30 tahun lalu, dapat menikmati keindahan banjaran Himalaya. Ini memang tidak menghairankan, apabila kebanyakan negara mengamalkan Perintah Berkurung atau Kawalan Pergerakan. Banyak industri ditutup sementara, pencemaran udara daripada kenderaan dan kilang perusahaan berkurangan. Oleh itu, udara pastinya menjadi semakin bersih dan jarak penglihatan bertambah. Ada juga pihak yang melaporkan air sungai dan laut di pesisir pantai telah kembali bersih. Sungai yang mengalir di kawasan bandar dan perindustrian pasti akan menjadi semakin bersih kerana kilang yang mencemar tidak beroperasi, pantai pelancongan kelihatan bersih kerana sudah tidak ada pengunjung, bererti sudah tidak banyak sisa domestik dibuang dan berakhir ke laut.

Bumi adalah satu-satunya rumah untuk pelbagai penghuni - manusia, fauna dan flora. Seharusnya, makhluk Allah ini berkembang biak mengikut lumrah alam. Oleh kerana manusia diberikan intelek dan keupayaan untuk membina teknologi, mereka mampu membangun permukaan bumi untuk keperluan kehidupannya. Satu tabiat manusia yang tiada pada makhluk lain ialah, suka menakluki wilayah dan mengumpulkan harta. Lambat laun, bumi menjadi tempat tinggal satu spesies sahaja iaitu manusia dan semua hidupan lain adalah sumber kehidupan manusia.

COVID-19 sepatutnya mengajar kita beberapa prinsip asas hubungan manusia dan alam sekitar. Demi kelestarian kehidupan, manusia perlu menghayati tiga prinsip asas dalam mengurus Alam Sekitar:

- a) Semua hidupan lain mempunyai hak untuk tinggal di bumi ini;
- b) Alam sekitar memberi perkhidmatan asas untuk kehidupan manusia; dan
- c) Mencemar alam adalah aktiviti membunuh diri sendiri. Serangan COVID-19 yang berlarutan lebih tiga bulan ini sepatutnya mampu mengajar manusia mengenai kepentingan alam sekitar.

Manusia juga akan pupus jika tidak memberikan perhatian kepada kelestarian alam sekitar. Dalam konteks bumi untuk semua, dasar pembangunan negara perlu memberikan tumpuan kepada menyediakan ruang atau habitat di daerah, negeri dan negara secukupnya bagi hidupan liar, kepelbagaian spesies watan dan landskap unik bernilai warisan. Konsep Taman Negara, Taman Negeri, Monumen Tabii dan Landskap Berpandangan Indah perlu diwartakan untuk generasi akan datang. Perkhidmatan alam sekitar atau ekosistem adalah keperluan asas kehidupan. Manusia tidak boleh hidup tanpa udara dan air bersih. Kebersihan juga asas kesihatan manusia.

Dalam konteks ini, hutan bertindak sebagai penyedia dan penapis udara bersih, sementara lembangan sungai sebagai pembekal air bersih adalah keperluan asas yang perlu disediakan tanpa kompromi. Keperluan hutan pemuliharaan, hutan tadahan air, hutan rekreasi dan hutan bandar adalah satu iltizam yang tidak boleh diambil ringan bagi memastikan kelestarian kehidupan. Akhirnya mengenai kawalan pencemaran alam. Banyak yang telah diusahakan oleh kerajaan, termasuk mewujudkan Jabatan Alam Sekitar bagi mengurus isu ini.

Apabila dasar pembangunan negara memberikan perhatian kepada hasil balak dari hutan, penerokaan sumber bumi untuk industri dan komuniti, pertanian ladang kelapa sawit untuk komoditi dan pembangunan industri sepanjang sungai tanpa pertimbangan alam sekitar, tindakan kawalan pencemaran bersifat sektoral pasti tidak akan berjaya.

COVID-19 mengingatkan kita, tanpa dasar dan tindakan pengurusan alam sekitar bersepadu, kehadiran manusia di muka bumi ini adalah terhad. (*Ibrahim Komoo*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-wujudnya-prinsip-asas-hubungan-manusia-dan-alam-sekitar-242659>)

6.PENUTUP

Alam sekitar perlu dipelihara dengan penuh rasa tanggungjawab dalam diri seseorang individu. Hal ini kerana apabila alam sekitar tidak dijaga dengan baik, maka ianya akan menyebabkan kepada pelbagai masalah yang mendatang. Demi kelangsungan hidup, manusia amat bergantung pada alam sekitar dan udara di sekeliling. Sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran dan kemampuan tubuh badan yang sihat oleh Allah SWT, seharusnya menitikberatkan segala aspek penjagaan alam sekitar dalam usaha menjaga amanah Allah SWT dan juga mentadbir urus alam dengan sempurna.

7.RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Adnan. 2003. Islam Sosialis; Pemikiran Sistem Ekonomi Sosialis Religius Sjafruddin Prawira negara, Yogyakarta: Menara Kudus.

Afif Najih Anis. 2005. Islam dalam Perspektif Sosio Kultural. Jakarta: Lantabora Press.

Sulaiman Nordin. 1995. Biologi Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamka. 1998. Tafsir Al-Azhar/ Juz 2. Singapura : Pustaka Nasional.

Hamidi Ismail. 2003. Pengurusan alam sekitar Malaysia: sejarah, isu dan penyelesaiannya kini. Dalam, Dani Salleh & Abdul Rahman Aziz, Asas Kefahaman Pengurusan Pembangunan. Sintok: Universiti Utara Malaysia

Manzoor. S.P. 1991. Persekitaran dan Nilai Perspektif Islam. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Surtahman Kastin Hasan, (2018). Ekonomi Islam: Pembangunan dan Alam Sekitar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.